

**Rosmah Lancar 1MINE Untuk Perkasa Rangkaian Perniagaan Komuniti India
Bernama
23 September , 2011**

PETALING JAYA, 23 Sept (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor melancarkan Pertubuhan Rangkaian Perniagaan India Malaysia (1MINE) bertujuan memperkasakan rangkaian perniagaan komuniti India melalui konsep "Perpaduan Melalui Perniagaan".

Beliau berkata penubuhan 1MINE amat bertepatan kerana ia dapat membantu lebih ramai usahawan memasar serta memperkenalkan produk mereka kepada para peniaga lain.

"Kajian mendapati 70 peratus daripada perniagaan baru berkembang melalui proses rangkaian perniagaan.

"Ada juga yang berpendapat bahawa rangkaian perniagaan merupakan 'the way forward to market your business' pada masa ini," katanya pada jamuan malam amal sempena pelancaran 1MINE di sini.

Turut hadir Presiden 1MINE Datuk S.Gopinath.

Rosmah berkata hakikatnya jaringan perniagaan yang dibina antara satu perniagaan dengan perniagaan lain akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

"Kejayaan dalam perniagaan bukanlah dapat diperoleh dengan sekelip mata, malah ia mengambil masa mungkin bertahun lamanya.

"Apa yang penting para usahawan perlu menguasai ilmu dan kemahiran keusahawanan serta sentiasa peka dengan keadaan persekitaran," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615483>